




KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam gred / kelas, kategori / tajuk / kepala, pengkhususan / tajuk kecil / subkepala yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat Yang Memanggil Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Taraf / Jenis Sykt *	Kelayakan	Tempat & Tarikh Dokumen Diperolehi	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut Harga Ditutup
Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	KERJA-KERJA PEMBAIKAN UNIT RUMAH ROSAK DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) KOTA BHARU, KELANTAN (NO SEBUT HARGA: KPKT/BPJ/UB/SH/4/2026)	Terbuka T1	CIDB Gred : G3 Kategori: B Pengkhususan: B04 Serta Sijil Pematuhan Cukai (TCC) (Syarikat yang berdaftar di Negeri Kelantan SAHAJA)	Hanya Penyebut harga yang hadir dan berdaftar sewaktu Lawatan Tapak dan Taklimat Sebut Harga akan diberi pautan untuk memuat turun Dokumen bermula daripada 04 Mac 2026 (Rabu) Hingga 05 Mac 2026 (Khamis)	PERCUMA (Tanpa Bayaran)	Unit Kontrak dan Ukur Bahan, Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 7, No.51, Presint 4, 62100 Putrajaya 12 Mac 2026 (Khamis) 12.00 Tengah Hari
Lawatan Tapak dan Taklimat Sebut Harga Adalah <u>DIWAJIBKAN</u>. Berkumpul di Dewan PPR Kota Bharu, Kelantan pada 03 Mac 2026 (Selasa) jam 9.30 pagi. Pendaftaran akan bermula dari jam 9.30 pagi hingga 10.30 pagi. Sebarang persoalan boleh menghubungi Seksyen Fasiliti dan Penyelenggaraan Projek (SFPP), Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan (BPJ), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di talian 03-8891 3651 / 3679 / 3647. Hanya PENAMA di dalam Sijil SSM/CIDB/SPKK/STB sahaja yang dibenarkan menyertai lawatan tapak. Sila bawa bersama sijil (SSM/CIDB/SPKK/STB) semasa lawatan tersebut.						

*Jenis Syarikat Tempatan: T1 - Syarikat 100% milik tempatan


Sr. SAHARUDIN BIN HILMI
 Ketua Penolong Pengarah Kanan
 Unit Kontrak dan Ukur Bahan
 Sektor Bangunan dan Perancangan Projek
 Bahagian Pelaksanaan & Perkhidmatan Kejuruteraan
 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

PROJEK : KERJA-KERJA PEMBAIKAN UNIT RUMAH ROSAK DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) KOTA BHARU, KELANTAN

NO. SEBUT HARGA : KPKT/BPJ/UB/SH/4/2026

Nota Penting :

1. **Penyebut Harga adalah diarahkan untuk menghantar Dokumen Sebut Harga SECARA TANGAN SAHAJA DAN POS BERDAFTAR SAHAJA. Dokumen Sebut Harga hendaklah diterima tidak lewat dari atau pada pukul 12.00 tengahari pada tarikh tutup Sebut Harga.**
2. **Penyerahan Dokumen Sebut Harga yang lengkap hendaklah dikemukakan dalam bentuk salinan bercetak (*hardcopy*).**
3. **Setiap penyebut Harga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) dokumen tawaran sahaja. Sekiranya didapati terdapat penyebut harga yang mengemukakan melebihi dari satu (1) tawaran, kesemua tawaran tersebut akan ditolak dan tidak akan disenaraikan di dalam Jadual Sebut Harga.**
4. **Penyebut Harga yang berhasrat untuk menyertai sebut harga ini hendaklah memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Sekiranya tidak, dokumen tawaran penyebut harga akan ditolak.**
5. **Penyebutharga juga hendaklah sentiasa peka terhadap sebarang makluman perubahan/tambahan dokumen sebutharga sepanjang tempoh perolehan/sehingga tarikh tutup sebutharga di laman sesawang KPKT.**

Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan nombor bilangan Sebutharga serta tajuk Sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut. Harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Pemberitahuan/Kenyataan Sebut Harga.

Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen Sebutharga tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan seperti berikut:-

Ketua Penolong Pengarah Kanan

Unit Kontrak dan Ukur Bahan
Sektor Bangunan dan Perancangan Projek
Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 7, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 Putrajaya
(u/p : Sr Saharudin bin Hilmi)



Sr SAHARUDIN BIN HILMI
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Kontrak dan Ukur Bahan
Sektor Bangunan dan Perancangan Projek
Bahagian Pelaksanaan & Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan